



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

**MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI
MAKANAN NEGARA KALI KE-2 BILANGAN 1 TAHUN 2021**

PUTRAJAYA, 9 Jun -- YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) Kali Ke-2 Bilangan 1 Tahun 2021 secara sidang video, semalam (8 Jun 2021).

Agenda mesyuarat kali ini merangkumi lima (5) pembentangan, iaitu tiga (3) Kertas Pertimbangan dan dua (2) Kertas Makluman.

Kertas pertimbangan yang dibentangkan adalah mengenai Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025, tindakan pengukuhan pemantauan dan penguatkuasaan pengimportan daging serta strategi dalam menangani isu bekalan dan kenaikan harga bawang.

Mesyuarat secara prinsipnya bersetuju untuk memperakukan Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 berteraskan matlamat untuk memperkukuh daya tahan sistem makanan negara. Pelan Tindakan ini meliputi lima (5) teras strategik:

- Teras Strategik 1: Perluasan Penggunaan Teknologi;
- Teras Strategik 2: Pemerksaan Kajian dan Penyelidikan;
- Teras Strategik 3: Pemerksaan Data Sekuriti Makanan;
- Teras Strategik 4: Perluasan Kolaborasi Strategik; dan
- Teras Strategik 5: Pengukuhan Governans Jabatan dan Agensi.

Pelaksanaan pelan tindakan yang dipacu menerusi 15 strategi dan 96 inisiatif merentasi agensi dan kementerian ini dijangka menyumbang kepada pelbagai keberhasilan yang disasarkan.

Antaranya, keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan di pasaran, meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik, selain mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dan guna tenaga asing. Lantas, menjamin kesiapsiagaan negara dalam menghadapi krisis sekuriti makanan.

Pelan Tindakan ini menumpukan kesemua empat dimensi sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampunan seiring dengan dimensi sekuriti makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pelan Tindakan ini turut memaparkan aspirasi *whole of society* yang didukung oleh Kerajaan menerusi galakan kepada pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs),

kerajaan negeri dan rakyat untuk turut serta dalam menyahut usaha memperkukuh sekuriti makanan negara.

Mesyuarat secara dasar juga bersetuju mengenai langkah-langkah kawalan dan penguatkuasaan berkaitan aktiviti import dan transit produk haiwan serta strategi termasuk operasi bersepadu bagi memantau dan mengawal aktiviti pengimportan daging bermula dari pintu masuk sehingga ke peringkat runcit.

Mesyuarat juga telah bersetuju mekanisme baharu bagi menangani isu kekurangan bekalan dan memastikan harga bawang di Malaysia akan jadi lebih stabil.

Turut dibentangkan adalah kertas makluman berkenaan status pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang melibatkan penglibatan pihak pemain industri sendiri dalam meningkatkan produktiviti industri padi negara.

Program Smart SBB dijangka akan membantu negara untuk mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras yang telah ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) iaitu sebanyak 75%.

Kertas makluman berkenaan prestasi Malaysia dalam Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2020 juga telah dibentangkan dalam mesyuarat pada kali ini.

Secara keseluruhannya, prestasi sekuriti makanan negara berada dalam kedudukan yang baik. Inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 turut mengambil kira analisis terhadap sekuriti makanan Malaysia berdasarkan GFSI.

MAFI dibawah RMKe-12 akan memberi penekanan kepada inisiatif untuk meningkatkan produktiviti, memperkasa sistem sokongan dan perkhidmatan serta memperkukuh rantai nilai makanan ke arah meningkatkan daya tahan sistem makanan secara menyeluruh.

Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin dalam apa jua keadaan ke arah meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat, terutamanya di kala negara mengharungi pandemik COVID-19.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
9 JUN 2021**